


HORMATI MENTUA, HARGAI MENANTU – MENTUA TAK KECIL HATI, MENANTU TAK MAKAN HATI.

Oleh : Nurul Huda Hussain



Dikurniakan mentua yang baik, dianggap, diterima kehadiran kita dalam keluarga baru seraya dilayannya kita seperti anak sendiri juga sebenarnya satu rezeki khususnya buat mereka yang sudah berumahtangga. Sungguh, bukanlah tiada tapi tak ramai dalam kalangan kita yang punya hubungan baik dengan keluarga mentua. Kerana untuk mencipta keserasian antara dua individu yang berbeza latar belakang, cara dibesarkan dan sebagainya pasti mengambil masa. Tidak kiralah sama ada sekejap atau lama, tetap berdurasi tempohnya.

Hakikatnya setiap daripada kita punya cerita tersendiri apabila berbicara soal menantu dan mentua. Ada yang hidup harmoni, bahagia seadanya dengan mentua. Namun ada juga yang tidak seberapa dengan mentua. Tidak kurang juga yang tiada kesempatan merasa manisnya hidup dengan mentua sementelahan mereka terlebih dahulu dijemput-Nya. Dan sejujurnya saya bersyukur dikurniakan mentua yang memang menganggap saya seperti anak-anaknya juga menerima saya seadanya. Kasih sayang, keprihatinan dan keikhlasan jelas dirasa hingga saya tidak canggung walau perlu tinggal sebungging bertahun lamanya. Daripada anak seorang dan kini anak ketiga hinggalah kemudiannya direzekikan punya rumah sendiri, barulah kami lima beranak merasa hidup sendiri. Itupun kebanyakan masa tetap dihabiskan dirumah mentua sementelahan anak-anak masih bersekolah berdekatan rumahnya.



Tetapi melalui tempoh 'bertahun lamanya' itu saya akui bukanlah mudah seperti disangka. Ada masanya saya fikir kami hanya menambah beban dibahunya kerana seolah-olahnya perlu berkongsi segala. Mulalah syak wasangka ada suara-suara kecil membisikkan itu dan ini. Dan bohonglah jika dikatakan saya tidak pernah 'terasa' dengan mentua dalam perkara-perkara tertentu. Tetapi tidaklah sehingga bermasam muka atau tidak bertegur sapa. Jauh sekali menyimpan dendam, rasa tidak puas hati yang berpanjangan, berkecil hati. Semua itu dibuang jauh tak bertepi.





Tentang bagaimana dia mengurus masa melunaskan kerja-kerja rumah, menjaga cucu-cucu dan banyak lagi tetap saya hormati caranya. Dari situ juga saya belajar banyak perkara. 'Oh... Macam ni dia buat kerja' bisik hati kecil saya. Justeru saya mengambil pendekatan berlapang dada dan tetap menghormatinya sebagai emak kepada suami saya. Yang sudah berkorban sepanjang usianya, menumpahkan segala keringat dan penat lelah menguruskan rumahtangga dari zaman anak-anaknya masih kecil hinggalah berderet cucu-cucunya. Juga menghormati saya hanya 'menumpang' dirumahnya. Makanya, apa yang terdaya dan mampu saya usahakan sehabis baik untuk membantunya. Sama ada dari segi wang ringgit, sumbangkan tenaga tolong apa yang patut; semuanya mengikut kapasiti dan keterbatasan sebagai menantu.



Jadi saya menantu yang bagaimana? Biasa-biasa sahaja, sederhana serba-serbi. Kerana saya seorang yang tak pandai bodek, bukan kaki kipas sesiapa. Makanya walau dengan mentua sekalipun tetap sama. Syukur merasa juga membawanya bercuti sekali dua. Menghadihkan apa jua mengikut kemampuan poket saya. Dan ya, ada yang berpendapat perlu pandai 'beli jiwa', bijak ambil hati mentua andai mahu hubungan kekal baik selamanya. Selidik apa yang menjadi kesukaannya, cakna apa pantang larangnya. Bukanlah bermaksud pasang strategi tetapi biarlah bijak dan berpeda untuk mendepani karenahnya. Kerana kita juga mahu menjalani kehidupan yang baik bersamanya.

Tidak kurang juga segelintir daripada kita yang beranggapan tidak perlu itu semua. Lebih baik jadi diri sendiri tanpa perlu bermuka-muka. Tiada gunanya 'fake' dalam semua perkara. Tetapi walaupun mahu jadi diri sendiri, mahu menegakkan prinsip diri; takkanlah pula hingga ada yang berani tinggi suara, bersikap tidak acuh bila mentua mahu datang ke rumah, dilayannya entah kelas ke berapa seolah-olah tidak ikhlas dengan mentua. Tidak bertanya khabar entahkan perutnya berisi makan dan minum misalnya. Tetaplah hormat mentua kerana mereka juga adalah ibu dan bapa kita.




Mungkin ada dalam kalangan menantu yang rimas apabila mentua suka masuk campur dalam soal rumahtangga. Mentua yang bertindak menentukan hitam dan putih dalam pada kita cuba mencorakkan warna hidup dalam keluarga kecil kita. Hingga sudahnya hubungan mentua dan menantu sedingin salju. Mentua kecil hati, menantu makan hati. Ada juga menantu yang terhimpit dengan situasi apabila empunya diri bukan menantu pilihan. Hinggakan apa sahaja yang dibuat serba tidak kena pada pandangan mentua.

Apa sekalipun beringatlah. Hari ini anda duduk diposisi menantu. Tak lama nanti anda pula bakal menduduki kerusi mentua. Segala baik dan buruk selama anda menjalani kehidupan sebagai menantu, genggam dan simpan kemas dalam ingatan. Yang baik dijadikan pengajaran, yang buruk dijadikan sempadan. Sama ada mentua mahupun menantu, ketepikan ego, sifat tamak dan iri yang bersarang dalam hati. Tak ke mana pun itu semua.



Fahami fungsi diri dan ambil peranan masing-masing. Baik pasangan mahupun mentua, ketiga-tiganya ada limitasi yang perlu disepakati. Hiduplah dengan saling bertolak-ansur dan memahami. Mentua ada hak untuk menasihati dan menegur tanpa perlu merendahkan diri atau menghina hingga menjatuhkan aib menantu. Jangan dibandingkan menantu yang ini dengan menantu yang itu. Semuanya ada kekuatan dan kelebihan tersendiri. Dan menantu pula perlu bersabar untuk mendepani karenah mentua.

Pujuk hati inilah masa yang diizinkan untuk berbakti padanya selagi dia dipinjamkan masa dan usia untuk kita. Hargai keberadaannya dan tetaplah hormat mentua setaraf darjatnya dengan ibu bapa kita. Benar, sifat dan lumrah manusia hatinya berbolak-balik. Sukar untuk puaskan hati semua.



Justeru itu, jangan pernah berhenti dan jemu menadah tangan berdoa pada Ilahi. Dialah yang menggenggam hati-hati kita. Jika yang baik didoakan, maka insya-Allah yang elok juga diberikan kepada kita. Mentua doakan kesejahteraan menantu, begitu juga menantu doakan kebahagiaan untuk mentua. Kerana hakikatnya hidup ini tidak lama. Andai tiba saat dan ketika entahkan siapa dahulu menyahut panggilan-Nya. Sesal separuh nyawa sekalipun sudah tidak berguna andai kesempatan yang ada ini tidak kita manfaat sebaiknya

A woman and an older woman are shown in profile, embracing each other on a beach. The woman is wearing a white sleeveless top and shorts, while the older woman is wearing a white long-sleeved shirt and pants. They are standing on the sand, with the ocean and a sunset sky in the background. A blue circular graphic with a textured pattern is positioned in the upper left quadrant, containing the text 'Huda MENULIS'.

Huda
MENULIS

**YANG BAIK
DIJADIKAN
PENGAJARAN,
YANG BURUK
DIJADIKAN
SEMPADAN.
SAMA ADA
MENTUA
MAHUPUN
MENANTU**